

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Wednesday, April 19, 2017 4:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SAPSP Online: PELAJAR SAPSP MENGANJURKAN PAMERAN INSIDE OUT DAY



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia

**“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato’/Prof./Dr./Tuan/Puan



PELAJAR SAPSP MENGANJURKAN PAMERAN *INSIDE OUT DAY*

SAPSP Online: Pada 16 April 2017 bertempat di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah, seramai 44 orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) dari Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), telah mengadakan pameran dalam melaksanakan tugas kumpulan bagi kursus SSKC 4324 Krisis Identiti.

Pameran diberi nama *Inside Out Day* dan dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) iaitu Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak. Turut hadir Timbalan Dekan

Prof. Madya Dr. Jamaludin Mustaffa, Ketua Jabatan Dr. Rozaina Kamsani, Penyelaras kaunseling Dr. Zainudin Omar dan Dr. Saralah Devi Mariamdarani Chethiyar yang merupakan Penasihat Program *Inside Out Day*.

Pameran ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran pelajar UUM terhadap krisis identiti diri yang sering wujud dalam kalangan masyarakat disamping mengenali personaliti diri. Terdapat enam (6) pameran yang disediakan kepada pengunjung dan tapak pameran yang menyediakan pelbagai aktiviti termasuk permainan, ujian personaliti, sesi kaunseling kepada pengunjung. Persembahan bermula dengan kumpulan *flashmob* oleh pelajar sebagai gimik perasmian. Program ini berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik dari warga. Selain memenuhi tugas, program ini juga menekankan konsep pendedahan umum dan khusus kepada pelajar tentang konsep krisis identiti dan kaedah menyelesaikan masalah krisis identiti yang merupakan Rasional penawaran kursus ini. Program ini membuktikan strategi pengajaran- pembelajaran dan pentaksiran yang berbentuk campuran *teacher-centered* serta *student-centered* adalah sangat berkesan.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.